



**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan sebuah Universiti Awam yang diperbadankan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi mempelawa calon-calon berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Gred Utama B (VU6) seperti berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. Gred : Gred Utama B (VU6)
3. Taraf Lantikan : Kontrak/Peminjaman/Tukar Sementara
4. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
5. Kriteria Umum : Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (Surat Edaran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bernombor rujukan JPT.S(G)2000/010/02/022(38) bertarikh 14 Januari 2010) adalah seperti berikut:

5.1 Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dalam kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

5.2 Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

5.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan

akademik, ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

5.4 **Reputasi**

Penyandang mestilah bersedia tampil sebagai suri teladan kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

5.5 **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

6. Kriteria Khusus : Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam (Surat Edaran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bernombor rujukan JPT.S(G)2000/010/02/022(38) bertarikh 14 Januari 2010) adalah seperti berikut:

6.1 **Mempunyai PhD dan Kelayakan Profesional**

Penyandang mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD selain mempunyai kelayakan profesional yang bersesuaian.

6.2 **Berpengalaman dalam Pembentukan Kurikulum (*curriculum design*)**

Penyandang bertanggungjawab terhadap agenda kritikal pengajaran dan pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu.

6.3 **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**

Penyandang mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran. Penyandang mempunyai pengetahuan yang mendalam perihal Pembelajaran Berpusatkan Pelajar, Pembelajaran Berasaskan Masalah, Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

6.4 **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan**

Penyandang mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai profesor.

6.5 **Pengalaman Sebagai Penyelia yang Berjaya**

Penyandang mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana dan PhD) dengan jayanya.

6.6 **Hal Ehwal Antarabangsa**

Penyandang bertanggungjawab mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa.

7. Kriteria Tambahan : Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:

7.1 memiliki kesediaan dan keazaman untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam pembentukan kurikulum serta pengajaran dan pembelajaran di USIM;

7.2 memiliki pengetahuan yang mendalam tentang falsafah Pendidikan Islam;

7.3 memahami konsep tentang Pendidikan Islam dalam masyarakat majmuk; dan

7.4 memiliki komitmen untuk melaksanakan epistemologi Islam dalam pendidikan tinggi.

8. **CARA MEMOHON**

Permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Gred Utama B (VU6) hendaklah dibuat dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi;
- ii. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan beserta sekeping gambar terkini berukuran pasport sebagaimana **Lampiran 1**;
- iii. CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, bidang kepakaran dan tujahan, pencapaian penerbitan dan penyelidikan, rekod perundingan, anugerah dan sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara perlu disertakan bersama;
- iv. Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

- v. Salinan sijil yang diperakui sah;
 - vi. Dokumen-dokumen sokongan lain yang diperakui sah; dan
 - vii. Sokongan Ketua Jabatan.
9. Calon-calun yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temu duga.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Puan Siti Noor Izyani Zalilah Sulaiman

Ketua Bahagian
Bahagian Governan dan Pentadbiran
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia
No. Tel: 06-798 8123
E-mel : izyani@usim.edu.my

11. Permohonan yang lengkap dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) dan salinan keras (*hardcopy*) hendaklah dikemukakan kepada:

PENDAFTAR

Universiti Sains Islam Malaysia
Aras 2, Bangunan Canselori
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-7988123/8122/6021
E-mel : pendaftar@usim.edu.my

12. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN:**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **12 Mac 2026 (Khamis)**